



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

10 Jun 2016 / 5 Ramadan 1437H

Memupuk Nilai Dalam Keluarga Melalui Amal Ibadah

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ رَمَضَانَ شَهْرًا مُبَارَكًا. وَفَرَضَ فِيهِ الصِّيَامَ
وَأَعَدَّ فِيهِ فَضْلًا كَبِيرًا وَأَجْرًا عَظِيمًا. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang telah mengurniakan kita peluang untuk menyambut kedatangan bulan Ramadan serta meraih kemuliannya. Saya menyeru setiap yang hadir hari ini, untuk sama-sama kita menanam tekad untuk berusaha bersama ahli keluarga, bagi memanfaatkan setiap detik yang dikurniakan kepada kita di bulan yang mulia ini.

Dengan bertandangnya bulan Ramadan dan ketika setiap individu Muslim akan terdorong untuk mendekatkan dirinya kepada Allah, perlu juga sebagai seorang Muslim memikirkan

bagaimana bulan ini juga boleh merapatkan sebarang jurang yang mungkin ada di dirinya dan keluarga. Bagaimana dalam kita ini beribadah memperkukuhkan hubungan kita dengan Allah, kita juga pada masa dapat memperteguh hubungan kita sekeluarga?

Kita tidak mahu menjadi orang yang giat beribadah, berpuasa, berterawih sepanjang Ramadan, meminta keampunan Allah serta memohon syurgaNya, namun kita masih bergaduh sesama keluarga, kita masih lagi memutuskan silaturahim dan tidak bertegur sapa sesama anak, ibu bapa mahupun adik-beradik. Ini merupakan suatu kecuaiian orang yang berpuasa. Ini kerana apabila kita membiarkan hubungan silaturahim sesama keluarga secara khusus terputus tanpa ada usaha langsung menyambunginya semula, maka dikhuatiri kita nanti boleh tersungkur di pintu syurga.

Sesuai dengan hadith Nabi s.a.w. yang bermaksud "*Tidak akan masuk syurga, orang yang memutuskan silaturahim*". [Hadith riwayat Imam At-Tirmidzi]

Saudaraku,

Ramadan merupakan waktu yang amat sesuai untuk kita memperkukuh hubungan sesama keluarga. Ini kerana, sudah menjadi budaya masyarakat Islam setempat bahawa keluarga, teman dan taulan sentiasa berusaha untuk bertemu dan makan

bersama ketika berbuka puasa. Selepas itu mereka akan sama ada akan solat dan berterawih bersama ataupun mungkin ada yang membeli-belah bersama. Semua aktiviti ini dapat dijadikan pencetus kepada hubungan kekeluargaan yang lebih kukuh. Sematkanlah memori kegembiraan itu di dalam hati kita. Insya Allah ia dapat menjadi bekalan sepanjang tahun untuk kita terus ingat dan mengasihi sanak-saudara.

Saudaraku,

Untuk mereka yang mana hubungan silaturahimnya telah terputus, Ramadan ini juga merupakan waktu yang sesuai untuk kita menjalinkan hubungan itu semula. Dengan keberkatan ibadah puasa, Ramadan adalah waktu di mana hati manusia lebih lembut.

Sebab itulah Nabi s.a.w. menyebutkan bahawa doa orang yang berpuasa itu adalah doa yang tidak akan ditolak kerana pada hakikatnya mereka yang berpuasa berada dekat dengan Allah s.w.t. Maka adalah amat sesuai jika pernah terputus silaturahim untuk kita mula menjalinkan ia semula.

Mungkin jika sudah lama tidak bersua dan berbual, kita boleh mulakan dengan ucapan Selamat menyambut kedatangan Ramadan dan kita ingin memohon maaf atas segala kesilapan kita pada anggota keluarga tersebut. Ini kemudian boleh disusuli dengan kita mengirim juadah berbuka puasa.

Sebagaimana kita ingin agar segala dosa kita diampunkan oleh Allah s.w.t. maka dengan ketibaan Ramadan ini, berusaha untuk mendapatkan ruang di dalam hati kita untuk mengampunkan mereka yang mungkin telah melakukan kesilapan terhadap kita.

Firman Allah s.w.t. di dalam Surah ali-Imran ayat 133-134:

﴿ وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَبِيرِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَبِيرِ ﴿١٣٤﴾ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴾

Yang bermaksud: *“Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa; iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik”.*

Nabi s.a.w. pernah bersabda bahawa orang yang dikatakan menyambung silaturahmi bukanlah orang yang membalas apa yang dilakukan anggota keluarga lain kepadanya dengan cara yang sama. Adapun yang menyambung silaturahmi itu adalah apabila mungkin keluarga lain yang memutuskan silaturahmi

dengan kita sedangkan kita tidak mahu, kemudian kita yang memulakan usaha menjalin semula silaturahmi itu”. [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari]

Saudaraku,

Dengan menjalinkan hubungan yang baik dan kukuh sesama keluarga, ia akan menyumbang kepada kebahagiaan dalaman kita, membangun sikap positif akan dunia dan cabaran kerana kita tahu kita mempunyai sokongan yang ampuh. Dengan itu, ia akan pasti mempunyai kesan positif terhadap sikap serta kemampuan untuk kita berjaya dalam bidang pendidikan mahupun pekerjaan. Ini adalah kerana orang yang gembira di rumah akan juga bersemangat apabila di tempat kerja mahupun sekolah.

Oleh itulah Nabi s.a.w. pernah menyebutkan bahawa *“Barangsiapa yang ingin dilapangkan rezekinya dan ingin dipanjangkan usianya, maka hendaklah dia menyambung silaturahmi”*. [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari]

Rebutlah peluang Ramadan ini untuk kita memperkukuh hubungan kekeluargaan kita kerana ia akan mendatangkan manfaat kebaikan kepada kehidupan kita sebagai individu dan juga sebagai sebuah masyarakat dan juga akan menyumbang kepada keharmonian negara. Bekalkan keluarga kita dengan

nilai-nilai dan akhlak mulia dan bentuklah keluarga kita dengan ilmu yang ampuh.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.